

# **Peranan Kaunselor Dalam Pembangunan Pelajar: Kajian Kes Terhadap Kaunseling Kelompok di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), Kuantan, Pahang**

Fadilah binti Zaini dan Maisarah binti Ishak  
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai Johor  
fadilahz2002@yahoo.com, maisarah\_83@hotmail.com

**Abstrak:** Kertas kerja ini membincangkan tentang peranan kaunselor dalam pembangunan pelajar di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM). Peranan kaunselor dilihat daripada empat aspek utama iaitu kepimpinan, amalan kerahsiaan, pemilihan peserta dan tindakan susulan. Bagi tujuan tersebut, 40 orang pelajar yang mengikuti program kaunseling kelompok di KUKTEM telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Kaedah analisis statistik deskriptif menggunakan perisian SPSS Version 11.0 digunakan bagi menghuraikan data yang diperolehi. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap kepimpinan, amalan kerahsiaan, pemilihan peserta dan tindakan susulan yang dijalankan oleh kaunselor adalah tinggi. Hasil kajian ini boleh membantu pihak terbabit khasnya kaunselor dan pihak pentadbir universiti dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kaunseling kelompok sebagai wadah untuk memperkembangkan aktiviti pembangunan pelajar.

**Katakunci:** Kaunselor, pelajar, analisis statistik.

## **Pengenalan**

Dewasa ini, perkhidmatan kaunseling amat penting dalam era negara kita menuju ke arah sebuah negara maju. Kepesatan pembangunan sejajar dengan era perkembangan teknologi maklumat telah mendatangkan banyak perubahan kepada masyarakat. Hasil daripada perkembangan, kemajuan dan pembangunan tersebut telah meninggalkan kesan positif dan negatif terhadap sosiopsikologi yang pelbagai dan kompleks. Setiap individu juga tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai kesulitan dan masalah yang membentengi kehidupan sehari-hari. Masalah keluarga, pelajaran, kewangan dan hubungan interpersonal kerap kali mengganggu seseorang untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin.

Masalah yang wujud bukan hanya terhad dalam ruang lingkup kehidupannya sahaja, malah melibatkan keadaan persekitaran. Perkhidmatan kaunseling wujud dalam usaha manusia mencari jalan keluar agar individu menemui kesejahteraan dan celik akal. Masyarakat hari ini beranggapan bahawa kaunseling merupakan suatu perkhidmatan profesional yang dilakukan oleh kaunselor yang berkebolehan dan bertauliah dalam bidang kaunseling. Namun, ada juga yang menganggap kaunseling sebagai suatu perbualan yang wujud secara kebetulan.

Menurut Abdul Halim, (2000) perkhidmatan kaunseling di Malaysia baru sahaja diwujudkan hasil daripada akuan UNESCO kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui seorang pakar perundingnya R.K. MacKenzie dari Kanada. Dalam tahun 1962 hingga 1963, beliau telah melatih pengelola daripada jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dalam hal yang berkaitan dengan kaunseling dan bimbingan. Ekoran dari usaha ini, sebuah buku Perkhidmatan Panduan di Sekolah telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1966.

Kaunseling merangkumi berbagai-bagai bidang perkhidmatan yang diperlukan oleh individu, pelajar dan juga seluruh masyarakat. Keadaan masyarakat pada masa kini yang sedang dilanda pelbagai masalah sosial tidak boleh dijadikan cagaran untuk kemajuan yang diimpikan. Masalah ini merupakan kegagalan dalam memberi bimbingan yang sempurna. Oleh yang demikian, telah menjadi tanggungjawab sesebuah organisasi atau institusi pengajian bukan sahaja memberi ilmu kepada pelajar, malah membentuk peribadi seseorang menjadi insan yang seimbang dari segi spiritual, mental, fizikal dan emosi. Usaha ini perlu dijalankan sepanjang masa dan menggunakan pelbagai kaedah. Walaupun seseorang pelajar itu tidak mempunyai sebarang masalah namun, mereka harus dibimbing untuk sentiasa meningkatkan kualiti diri. Oleh yang demikian, institusi pendidikan perlu menyediakan beberapa saluran untuk pelajar mengatasi dan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk membantu para pelajar meningkatkan kualiti diri ialah pelaksanaan proses kaunseling dalam sesebuah institusi pendidikan. Proses ini perlu dirancang dan dilaksanakan sebaik mungkin supaya ia memberi kesan yang mendalam terhadap pelajar yang terlibat. Kesedaran mengenai perlunya kemahiran-kemahiran kaunseling telah mula berkembang dengan meluas. Justeru itu, panduan dan kemahiran asas difikirkan perlu bagi kaunselor yang ingin memberi perkhidmatan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, dalam proses kaunseling, hubungan merupakan faktor utama yang membuatkan sesebuah program kaunseling itu dilaksanakan dengan berkesan. Oleh kerana kaunseling dikatakan sebagai suatu penerimaan, kepercayaan dan keyakinan serta merupakan suatu hubungan yang erat dan selamat antara dua pihak (kaunselor dan klien) maka dalam hubungan itu, proses pengajaran dan pembelajaran telah berlaku.

Hakikatnya, salah satu jenis kaunseling yang sering dilaksanakan di institusi pendidikan ialah kaunseling kelompok. Kaunseling kelompok wujud apabila kebanyakan masyarakat hidup berorientasikan kelompok dan ia dapat membantu pembentukan dan perkembangan seseorang individu. Selain daripada itu, menurut George dan Cristiani (1981) antara kebaikan yang diperolehi dari kaunseling kelompok ialah kaunselor dapat memberikan khidmatnya dengan lebih berkesan di samping dapat mewujudkan hubungan sosial untuk menyelesaikan masalah peribadi klien. Klien juga dapat melatih diri dengan tingkahlaku baru dengan memerhatikan tingkahlaku klien yang lain dalam kumpulan yang sama.

## Latar belakang

Zaman remaja sememangnya penuh dengan cubaan dan rintangan. Setiap perkara dianggap menarik dan seronok untuk dicuba dan dipelajari oleh remaja. Namun, mereka perlu lebih berhati-hati kerana kadang kala perkara yang ingin dipelajari tersebut mendatangkan kedukaan atau keruntuhan akhlak. Mereka juga mudah terpengaruh jika tiada bimbingan dan panduan diberikan.

Oleh yang demikian, ibubapa memainkan peranan penting dalam mengawal tingkahlaku dan pergerakan anak-anak sekaligus membentuk remaja menjadi insan mulia. Walau bagaimanapun, pada zaman yang serba canggih ini ibubapa seringkali mengambil mudah tugas mendidik anak-anak dan beranggapan remaja sudah pandai membuat keputusan hidupnya sendiri tanpa mengambilira risiko yang bakal dihadapi. Maka, kebanyakan remaja akan mengambil peluang terhadap kepercayaan yang diberikan oleh ibubapa mereka sehingga menyebabkan mereka terjebak dengan masalah keruntuhan akhlak.

Namun, terdapat juga kes dimana remaja bermasalah ini mempunyai kelayakan untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi seperti di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) walaupun mempunyai sahsiah diri yang rendah. Kesannya, mereka akan lebih terdedah kepada masalah kejutan budaya di IPT. Oleh yang demikian, IPT juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menentukan hala tuju kehidupan remaja. IPT dianggap sebagai sebuah organisasi yang berperanan untuk melahirkan sumber manusia yang berkualiti dan mempunyai pelbagai bidang kelayakan seperti kejuruteraan, sastera, sains, kedoktoran, perakaunan dan sebagainya. Malah, IPT juga dianggap sebagai kilang pengeluaran tenaga mahir dalam sesuatu bidang yang menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

Fenomena yang kian berleluasa ini menyebabkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi mulai sedar tentang kepentingan unit kaunseling di IPT sebagai salah satu langkah yang boleh digunakan untuk membendung masalah gejala sosial yang berlaku. Malah pihak kementerian juga akan memperkenalkan kursus khas peringkat lepasan ijazah dan diploma bagi melahirkan mereka yang pakar dalam bidang kaunseling (Berita Minggu, 6 Februari 2005). Menterinya, Datuk Dr. Mohd. Shafie Salleh berkata kursus itu akan dilaksanakan mulai bulan Mac 2005 di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Situasi yang sama jelas berlaku di KUKTEM di mana pelbagai faktor yang mendorong kepada berlakunya masalah remaja seperti jauh daripada ibubapa, pengaruh rakan sebaya, persekitaran dan inginkan keseronokan. Maka, para pelajar akan lebih terdedah kepada gejala sosial yang semakin menular kini. Sehubungan itu, KUKTEM sebagai sebuah organisasi yang telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai tanggungjawab yang besar untuk merealisasikan matlamat melahirkan sumber manusia yang berkualiti.

KUKTEM berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan yang beroperasi dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Penubuhan KUKTEM yang masih baru menyebabkan pihak pengurusan merasakan pentingnya pembentukan Unit Pembangunan Sahsiah yang bertujuan untuk membantu para pelajar terutamanya mereka yang baru melangkah ke alam universiti untuk membiasakan diri dengan budaya serta cabaran yang akan mereka hadapi kelak. Bagi pelajar yang baru sahaja ingin mengenali cara hidup di universiti, sudah pasti mereka memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan. Tambahan pula, kebanyakan daripada mereka tinggal jauh daripada keluarga masing-masing menyebabkan ibubapa tidak dapat memantau serta menegur kesilapan yang dilakukan. Malah, para pelajar juga seringkali diingatkan supaya membina sahsiah diri untuk menembusi pasaran pekerjaan terutamanya dalam sektor swasta.

Maka, Unit Pembangunan Sahsiah telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membantu para pelajar yang bermasalah selain daripada sebagai tempat rujukan pelajar yang lain. Langkah yang diambil adalah dengan menjalankan program kaunseling berbentuk individu dan berkelompok. Malah, program-program kaunseling kerjaya turut didedahkan kepada para pelajar supaya mereka dapat merancang laluan kerjaya mereka dengan baik. Di antara program yang dijalankan tersebut, program kaunseling kelompok merupakan antara program yang paling kerap dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah pelajar. Kaunselor yang bertidak sebagai ketua kelompok pula perlu memainkan peranan untuk memastikan keberkesanan proses kaunseling kelompok yang dijalankan.

## **Hasil Dapatkan**

### **Analisis Peranan Kaunselor Dalam Pembangunan Pelajar**

Bahagian ini akan membincangkan hasil analisis peranan kaunselor dalam pembangunan pelajar. Peranan kaunselor dilihat daripada beberapa aspek termasuk dari segi iaitu kepimpinan, kerahsiaan, pemilihan peserta dan tindakan susulan.

#### **Kepimpinan**

Keputusan kajian menunjukkan min skor tahap persetujuan responden terhadap kepimpinan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok yang diperoleh daripada item-item yang dikemukakan di dalam borang soal selidik adalah sederhana iaitu 3.67. Justeru itu, hal ini menunjukkan responden bersetuju bahawa kepimpinan kaunselor dalam melaksanakan kaunseling kelompok berada pada tahap yang baik.

#### **Amalan Kerahsiaan**

Hasil kajian mendapati nilai min skor keseluruhan bagi aspek amalan kerahsiaan kaunselor adalah sebanyak 3.71 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Perkara ini menunjukkan persepsi responden yang sangat baik dari aspek kepercayaan mereka terhadap amalan kerahsiaan yang dijalankan oleh kaunselor.

#### **Pemilihan Peserta**

Hasil kajian menunjukkan min skor keseluruhan yang diperolehi daripada item-item yang dikemukakan di dalam borang soal selidik adalah sederhana iaitu 3.53.

#### **Tindakan Susulan**

Hasil kajian mendapati bahawa nilai min skor keseluruhan bagi aspek tindakan susulan adalah 3.93 dan ia berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan persepsi pelajar dari aspek tindakan susulan oleh kaunselor adalah sangat baik. Secara keseluruhannya, nilai min skor tahap keberkesanan peranan kaunselor adalah 3.71 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Nilai ini menunjukkan responden mempunyai persepsi yang sangat baik terhadap kaunselor yang menjalankan kaunseling kelompok di KUKTEM. Maka, hasil dapatan ini telah menjawab keempat-empat objektif pelaksanaan kajian.

## **Kesimpulan**

### **Tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok dalam aspek kepimpinan**

Secara keseluruhannya, berdasarkan nilai min 3.67 didapati bahawa pelajar mempunyai persepsi yang sederhana terhadap peranan kaunselor dari aspek kepimpinan. Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam soal selidik, mereka yakin bahawa seorang kaunselor dapat membantu menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Malah, pelajar yang menyertai kaunseling kelompok juga yakin kaunselor yang menjalankan proses kaunseling kelompok terdiri daripada mereka yang berkelayakan, terlatih dan berpengalaman.

Mereka juga tidak berasa ragu untuk mendapatkan bantuan daripada kaunselor serta yakin bahawa kaunselor merupakan penggerak utama dalam proses kaunseling kelompok. Proses interaksi semasa kaunseling kelompok berjalan dengan lancar kerana ahli kelompok merasa mudah untuk memahami perkara yang disampaikan oleh kaunselor.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini selaras dengan kajian Sapor (2003), yang mendapati bahawa pergerakan kelompok dalam proses kaunseling bergantung kepada kemahiran ketua untuk mengendalikan dan melibatkan ahli kelompok. Oleh itu, dengan membicarakan tentang kriteria yang perlu ada pada seseorang ketua kelompok, ahli-ahli kaunseling kelompok perlu mengetahui jenis latihan, kelayakan dan pengalaman ketua yang akan memimpin mereka. Maka, jelas dinyatakan bahawa kepimpinan kaunselor merupakan salah satu aspek penting yang dapat membantu meningkatkan minat pelajar untuk mengikuti program-program berbentuk bimbingan dan kaunseling terutamanya program kaunseling kelompok.

Manakala menurut Cherrington (1994) pula, unsur-unsur utama yang menentukan kejayaan kumpulan adalah melibatkan keupayaan pemimpin untuk merancang, mengorganisasi dan mengawal aktiviti kumpulannya. Berdasarkan pandangan beliau, dapat dibuktikan bahawa seorang kaunselor perlu mempunyai sifat-sifat seorang pemimpin untuk memimpin kelompoknya mencapai matlamat yang ditetapkan. Selaras dengan itu, pelajar-pelajar KUKTEM mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kepimpinan kaunselor mereka dan beranggapan bahawa kaunselor yang menjalankan kaunseling kelompok terdiri daripada mereka yang berkemahiran dan mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

### **Tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok dari aspek kerahsiaan kaunselor**

Tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok dari aspek kerahsiaan kaunselor pula adalah tinggi dengan nilai min skor secara keseluruhan adalah 3.71. Perkara ini disebabkan oleh kebanyakan ahli kelompok mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kaunselor yang menjalankan kaunseling kelompok dan mereka yakin masalah peribadi mereka tidak akan diketahui oleh orang luar.

Peringatan mengenai prinsip kerahsiaan yang dibuat oleh kaunselor juga menyebabkan mereka mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai kepentingan menjaga maklumat atau masalah peribadi ahli kelompok. Maka, pelajar atau ahli kelompok akan mempunyai persepsi yang baik terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Zuraidah (1999), mengenai amalan kerahsiaan yang dijalankan oleh kaunselor. Menurut beliau, ketua kelompok perlu memainkan peranan dalam memastikan perbincangan khusus dibuat sesama ahli kelompok bagi menerangkan mengenai tanggungjawab setiap ahli untuk menjaga faktor kerahsiaan supaya tidak berlaku pembocoran hal-hal peribadi klien.

Menurut Merle (1970), terdapat keadaan yang mana rahsia kelompok terpaksa didedahkan terutamanya apabila ia mendatangkan bahaya kepada seseorang. Namun, seperti yang berlaku di KUKTEM, persepsi pelajar terhadap amalan kerahsiaan berada pada tahap yang tinggi kerana kes-kes yang dianggap kritikan tidak berlaku dikalangan pelajar ataupun ketua kelompok. Maka, pelajar mempunyai tahap keyakinan dan kepercayaan yang tinggi terhadap amalan kerahsiaan yang dijalankan oleh kauselor.

### **Tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok dalam aspek pemilihan peserta oleh kaunselor**

Nilai min skor 3.53 yang berada pada tahap sederhana menunjukkan persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dari aspek pemilihan peserta adalah baik. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar yang mengikuti proses kaunseling kelompok merasakan kaunselor telah memberikan mereka peluang untuk membuat keputusan berkaitan kelompok yang akan mereka sertai. Apabila peserta diberi peluang sebegini, mereka akan lebih bersemangat untuk mengikuti proses kaunseling kelompok yang dijalankan.

Justeru itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pemilihan peserta yang dijalankan mendapat persetujuan daripada ahli kelompok kerana ia dilakukan secara adil. Oleh itu, hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian Zuraidah (1999) berkaitan proses pemilihan peserta yang perlu dilakukan secara dua hala iaitu kaunselor memberi peluang kepada individu yang berminat untuk bertanya dan membuat keputusan sama ada ingin menjadi ahli atau tidak dan pada masa yang sama kaunselor bertanya soalan-soalan yang boleh membantu mereka memilih ahli yang sesuai bagi kelompok itu.

### **Tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok dari aspek tindakan susulan**

Bagi aspek tindakan susulan pula, nilai skor min yang diperoleh secara keseluruhan adalah 3.93. Dapatan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok dari aspek tindakan susulan adalah pada tahap yang tinggi. Ahli kelompok merasakan tindakan susulan penting bagi mereka untuk membincangkan mengenai kesan mereka mengikuti kaunseling kelompok. Kaunselor juga melaksanakan proses tindakan susulan dengan menggunakan kaedah borang soal selidik yang akan diedarkan kepada para peserta atau ahli kelompok selepas kelompok bersurai. Malah, ahli kelompok juga yakin bahawa melalui tindakan susulan, mereka dapat menilai sejauh mana perubahan yang berlaku di dalam diri mereka disamping mengenalpasti sejauhmana kaunseling kelompok dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Maka, kajian ini dapat membuktikan bahawa proses tindakan susulan perlu dititikberatkan oleh kaunselor setelah selesai menjalankan proses kaunseling kelompok. Ia dapat membantu mengenalpasti tahap keberkesanan peranan kaunselor dalam melaksanakan sesi tersebut. Malah, ia juga penting bagi membantu pihak pengurusan melakukan penilaian terhadap tahap penguasaan atau perubahan peserta yang mengikuti proses tersebut. Maznah dan Zainal (2003) membincangkan mengenai tindakan susulan di mana beliau menegaskan bahawa selepas tamat sesi atau proses kaunseling, pembimbing perlu membuat tindakan susulan.

### **Tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor secara keseluruhan**

Hasil dapatan daripada keempat-empat aspek yang dinilai menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini berjaya membuktikan bahawa kaunseling kelompok amat penting dalam membantu para pelajar menyelesaikan masalah berkaitan pelajaran, motivasi, keluarga dan sebagainya bagi menghadapi cabaran di alam pekerjaan kelak. Malah, peranan kaunselor amat penting dalam menentukan gerak kerja atau hala tuju sesebuah kumpulan atau kelompok itu dibentuk.

Berdasarkan persepsi pelajar ini dapat disimpulkan bahawa peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok di KUKTEM amat penting bagi melahirkan para pelajar yang mantap dari segi rohani dan jasmani. Kaunselor boleh dianggap sebagai agen perubahan yang mempunyai peranan yang besar dalam membimbing serta membantu para pelajar menjadikan universiti sebagai medan untuk melengkapkan diri sebelum menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar.

Selaras dengan kajian yang dibuat oleh Hoffman (1990) berkaitan peranan ketua atau kaunselor dalam sesebuah kelompok di mana beliau mencadangkan empat cara bagi seseorang ketua dapat memainkan peranan mereka dalam kelompok perbincangan mereka iaitu membina rasa diterima, memberi perhatian dan pertimbangan yang sama kepada semua kenyataan dan mengelakkan daripada memberi syarahan dan nasihat.

## **Cadangan**

Berdasarkan perbincangan dan rumusan dapatan kajian, beberapa cadangan yang difikirkan boleh memberi panduan dan manfaat kepada mana-mana organisasi atau pihak-pihak yang ingin menjalankan penilaian terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok.

### **Cadangan Untuk Pihak Pengurusan**

Kajian ini dilakukan untuk melihat persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling kelompok. Oleh kerana itu, skop bagi kajian ini adalah sangat terhad dan berikut merupakan cadangan kepada organisasi mengenai pelaksanaan kaunseling kelompok;

1. Kaunselor di Unit Pembangunan Pelajar perlu melibatkan diri dalam pelaksanaan kaunseling kelompok secara menyeluruh agar kebolehan dan pengalaman mereka dapat digunakan secara optimum bagi membantu para pelajar yang mengikuti kaunseling kelompok.
2. Aspek kepimpinan kaunselor perlu diberi perhatian agar kaunselor dapat meningkatkan kemahiran dan pengalaman yang ada bagi meningkatkan kualiti program berbentuk kaunseling kelompok supaya kesan terhadap pelajar yang mengikuti program tersebut dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.
3. Bagi aspek amalan kerahsiaan, kaunselor perlu berusaha untuk memupuk kepercayaan di kalangan ahli kelompok agar mereka yakin untuk menceritakan masalah yang dihadapi kepada kaunselor atau ahli kelompok yang lain. Dengan ini, proses kaunseling dapat dijalankan dengan lancar.
4. Kaedah pemilihan peserta yang adil perlu dipraktikkan oleh kaunselor agar tidak wujud masalah bias semasa proses pemilihan ahli kelompok. Persetujuan daripada ahli kelompok juga penting dalam proses pemilihan peserta kerana ia akan mempengaruhi prestasi seseorang peserta.
5. Tindakan susulan terhadap program kaunseling kelompok yang telah dijalankan perlu dilaksanakan secepat mungkin dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian agar perkembangan ahli kelompok dapat dipantau dari masa ke semasa.
6. Keempat-empat aspek ini perlu dipantau secara berterusan dari semasa ke semasa untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan kaunseling kelompok yang dijalankan. Jawatankuasa unit pembangunan pelajar yang dibentuk perlu memainkan peranan untuk melakukan pemantauan tersebut di samping penilaian berkala yang dijalankan bagi setiap peringkat pelaksanaan kaunseling kelompok.
7. Pihak pengurusan atasan juga perlu memberikan sokongan sepenuhnya terhadap kaunselor serta pelajar yang mengikuti kaunseling kelompok atau sebarang bentuk program pembangunan sahsiah pelajar. Perkara sebegini akan dapat mendorong mereka agar lebih berminat dan bersedia untuk menghadiri program yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Pelajar.

## **Rumusan**

Tugas membentuk sahsiah diri pelajar bukan sahaja perlu dipikul oleh keluarga mereka, malah sudah menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk mendidik dan membentuk peribadi yang mulia serta melahirkan masyarakat yang mempunyai kualiti diri serta personaliti yang baik. Tambahan pula, pasaran pekerjaan kini bukan sahaja mementingkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang pekerja malah, personaliti dan sahsiah diri yang baik juga merupakan faktor utama seseorang pekerja itu diambil bekerja. Maka, sekiranya masalah ini tidak dibendung dengan baik, ia mungkin akan menyebabkan produk yang dihasilkan oleh KUKTEM tidak menepati permintaan pasaran.

Kesimpulannya, kajian ini amat berguna kepada pihak organisasi dalam usaha membantu mereka mengenalpasti kepentingan pelaksanaan kaunseling di organisasi. Ia juga dapat membantu kaunselor memahami peranan mereka dengan lebih jelas dalam menjalankan tugas mendidik serta membimbing para pelajar yang bermasalah. Persepsi pelajar terhadap

peranan kaunselor juga dapat membantu mereka mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud sepanjang program kaunseling dijalankan. Malah, kajian ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan mengikuti proses kaunseling di kalangan pelajar.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Halim Othman, Md. Shuib Che Din, Sapora Sipon (2000). "Latihan Kaunseling Di Malaysia : Satu Ulasan Dan Cadangan." *Jurnal PERKAMA Jld 8*.

Berita Minggu, (6 Februari 2005), "*Kursus Khas Kaunselor Akan Diperkenal*".

Cherrington, D. J. (1994). 'Oraganization Behavior: The Management Of Individual And Organizational Performance.' London: Allyn And Bacon.

George, R.L., Cristiani, T.S. (1981). "Theory, Methods and Process of Psychotherapy." New Jersey: Prentice-Hall, Englewood Cliffs.

Hoffman, L. (1990). "Developmental Psychology Today." New York. : McGraw Hill Inc.

Maznah Baba, Zainal Madon (2003). "Kaunseling Individu: Panduan Membimbing Individu Secara Praktikal dan Berkesan." Kuala Lumpur : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Merle Ohsen M. (1970). "Group Counseling." Holt, Rinehart & Winston, Inc.

Sapora Sipon (2003). "Pengenalan Kaunseling Kelompok." New York : McGraw Hill Education.

Zuraidah Abdul Rahman (1999). "Pengenalan Kaunseling Kelompok." Kuala Lumpur : IBS Buku Sdn. Bhd.